

DESAK TUNKU UNDIR DIRI KETUAI PERKIM

JOHOR BAHRU, Selasa — Perkim daerah ini telah membuat ketetapan mendesak Presiden Perkim pusat, Tunku Abdul Rahman Putra al-Haj mengundur diri dari jawatan yang beliau sandang sekarang.

Desakan tersebut yang dibuat dalam bentuk usul dipersetujui sebulat suara dalam satu mesyuarat ahli jawatankuasanya yang diadakan petang tadi.

Pengerusi Perkim Johor Bahru, Syed Ali al-Attas berkata usul tersebut telah dipertimbangkan sejak beberapa lama dan kemudiannya dipersetujui.

Menurut beliau, desakan tersebut akan dikemukakan di dalam mesyuarat agung peringkat negeri yang akan diadakan tidak lama lagi untuk dibentangkan di

mesyuarat Perkim pusat.

Syed Ali menjelaskan, Perkim daerah ini merasakan, masanya sudah sampai bagi Tunku mengundurkan diri dari jawatan tersebut memandangkan keadaan beliau yang uzur dan usianya semakin lanjut.

Peluang

.. Pengunduran tersebut akan memberi peluang kepada Tunku untuk berehat dan seorang yang lain dapat dipilih bagi menggantikan tempat beliau," jelas Syed Ali.

Tunku kini berusia kira-kira 80 tahun dan telah menjadi Presiden Perkim pusat sejak tahun 1975, sekembalinya dari menjadi Setiausaha Agung Sekretariat Islam

di Jedah.

Pada masa ini, beliau sedang berada di negara China dalam rangka lawatan bagi meninjau keadaan umat Islam di negara tersebut.



● TUNKU ABDUL RAHMAN

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia